

Pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960

Tiada motif

perkauman: PM

Oleh WAN HAMIDI HAMID
dan AZHAR ABU SAMAH

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan menggunakan sentimen perkauman apabila mengambil alih tanah mengikut pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan penggunaan sentimen perkauman bukan cara pemerintahan Barisan Nasional (BN).

"Dalam pengambilan apa juga tanah, kerajaan tidak mengambil kira sama ada ia milik Bumiputera atau bukan Bumiputera," katanya.

Beliau menjelaskan, langkah kerajaan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 yang membolehkan tanah diambil tanpa boleh dicabar di mahkamah, sudah diputarbelitkan untuk kepentingan parti lawan.

"Dalam hal ini, ada pihak menuduh bahawa tujuannya ialah hendak merampas tanah kepunyaan bukan Bumiputera. Tuduhan ini tidak berasas sama sekali," katanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Ke-20 di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, keadaan tanah sebagai aset yang semakin susut menyebabkan kerajaan perlu diberi kuasa mendapatkan tanah untuk pembangunan secara berterusan.

Katanya, pindaan itu adalah untuk kebaikan bersama berikutan bilangan penduduk semakin bertambah.

"Kerajaan akan memberi pampasan berpatutan dan jika rakyat tidak puas hati, mereka boleh membawa hal ini ke mahkamah," katanya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat akan rugi

Kerjasama Asean

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, bahawa negara anggota Asean patut bekerjasama mengatasi masalah laporan yang tidak adil oleh media Barat.

Walaupun bukan mudah untuk mencapai kejayaan, katanya, negara Asean sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah itu melalui pertukaran berita.

"Kadang-kadang kita baca berita mengenai negara Asean lain melalui laporan yang dibuat dari luar Asean dan kerap kali mereka tidak menulis mengutamakan perkara yang baik, cuma mencari perkara yang buruk saja," katanya.

dan menderita apabila kerajaan tidak dapat mendirikan rumah, hospital, jalan, sekolah dan kemudahan lain kerana kekurangan tanah.

Beliau berkata, dakwaan kononnya pindaan itu bermotifkan perkauman untuk mengambil tanah sesuatu kaum adalah tuduhan yang tidak logik dan tidak bertanggungjawab.

"Sebagai kerajaan yang dipilih rakyat, kita tidak akan mengambil tanah rakyat jika tidak atas sebab kepentingan nasional," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat bernasib baik kerana mempunyai kerajaan yang bertanggungjawab kepada pembangunan, khususnya pemimpin BN yang sentiasa memikirkan cara membawa pembangunan lebih pesat kepada rakyat.

"Itulah sebabnya kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020. Wawasan 2020 ini dirancang supaya rakyat Malaysia dihormati dan disanjung tinggi serta boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan penduduk negara maju," katanya.